

**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
FAKULTI SENIBINA, PERANCANGAN DAN UKUR
JABATAN SENIBINA DALAMAN**

APRIL 2009

Adalah disyorkan bahawa Laporan Projek Penyelidikan ini yang disediakan


Oleh

NOR ARIFAH BINTI ARIFFIN

Bertajuk

**Laporan Kajian Akhir Cadangan Rekabentuk Dalaman Cheeky Monkey Cuts Salun
Di Lot 3F-03 & 3F-03a, Aras Tiga, SACC Mall, Shah Alam**

diterima sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat untuk memperolehi Diploma Rekabentuk Dalaman

Penyelia Laporan	:		Cik Nur Adilla bt Abd Rahaman
Koordinator Kursus	:	_____	Pn Azizah Bt. Md Ajis
Koordinator Program	:	_____	Prof. Madya Dr. Hj. Mohd Sabrizaa B. Abd Rashid

ABSTRAK

Projek akhir Rekabentuk Dalaman di peringkat diploma adalah merupakan manifestasi terhadap kefahaman pelajar tentang seluruh aspek proses rekabentuk dalaman yang telah dipelajari dari peringkat paling asas hingga ke peringkat persembahan cadangan rekabentuk. Cadangan mereka bentuk cawangan baru Cheeky Monkey Cuts di kompleks membeli-belah 'Shah Alam City Centre Mall' (SACC Mall) datang dari sambutan yang menggalakkan terhadap cawangan yang sedia ada daripada golongan ibu bapa yang mementingkan keterampilan anak-anak mereka dan juga sebagai alternative lain untuk ibu bapa bekerja yang tidak mempunyai masa untuk memanjakan anak-anak mereka. Salun ini juga bertujuan mengajar kanak-kanak untuk menjaga keterampilan sedari kecil lagi. Memandangkan salun kanak-kanak masih lagi baru di Malaysia dan tidak berapa mendapat pendedahan daripada orang ramai maka imej dan rekabentuk baru perlulah menarik dan sesuai dengan konsep salon bagi menarik lebih ramai pelanggan. Walaupun masih baru, salun kanak-kanak telah mendapat sambutan yang amat menggalakkan dan ini membuatkan pemilik membuat keputusan untuk membuka sebuah lagi cawangan salun tersebut. Selain itu, susun atur dan pembahagian ruang perlulah memberi keselesaan kepada pelanggan disamping memberi kanak-kanak perasaan selamat ketika berada di salun ini. Konsep dan imej yang dicadangkan perlulah bersesuaian dengan sifat kanak-kanak yang periang disamping penggunaan warna yang sesuai mampu mempengaruhi psikologi mereka. Cheeky Monkey Cuts bukan sahaja menyediakan khidmat dandanan rambut untuk kanak-kanak tetapi turut menyediakan khidmat 'manicure', 'pedicure' dan juga khidmat dandanan rambut untuk golongan dewasa. Salun ini juga diharap dapat menjadi perintis kepada lebih banyak salun kanak-kanak di Malaysia. Secara kesimpulannya, rekabentuk baru yang bakal di jalankan ini haruslah menepati ciri-ciri dan kehendak pelanggan dan bersesuaian dengan konsep yang diketengahkan dan ditonjolkan. Diharapkan rekabentuk ini akan dapat memberi manfaat kepada semua individu terutamanya pengguna yang menggunakan produk ini.



Abstrak	i
Penghargaan	ii
Isi Kandungan	iii
Senarai Rajah	iv
Senarai Jadual	v
Senarai Lampiran	vii

KANDUNGAN

MUKA SURAT

BAB 1.0	PENDAHULUAN	m/s
1.1	PENGENALAN	1
1.2	METODOLOGI KAJIAN	3
1.3	MATLAMAT KAJIAN	4
1.4	OBJEKTIF KAJIAN	6
1.5	SKOP KAJIAN	7
1.6	HALANGAN KAJIAN	9
1.7	KEPENTINGAN KAJIAN	10



BAB 2.0	KLIEN	m/s
2.1	LATARBELAKANG	13
2.2	CARTA ORGANISASI	17
2.3	IMEJ KORPORAT KLIEN	18
2.4	SERVIS	20
BAB 3.0	KAJIAN DAN ANALISA	m/s
3.1	ANALISA TAPAK	21
3.2	ANALISA BANGUNAN SEDIADA	27
3.3	RINGKASAN PENEMUAN	39
3.4	RUMUSAN	40
BAB 4.0	KAJIAN KES	m/s
4.1	KAJIAN KES 1	42
4.2	KAJIAN KES 2	50
4.3	KAJIAN KES 3	59
4.4	PERBANDINGAN KAJIAN KES	64
4.5	RUMUSAN KAJIAN KES	65
BAB 5.0	PROJEK	m/s
5.1	KEHENDAK KLIEN	69
5.2	SKOP KERJA	72



BAB 1.0 PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Laporan projek akhir ini adalah merupakan subjek THE 386 . Tujuan laporan ini adalah supaya pelajar lebih memahami tentang reka bentuk yang dibuat, dimana pada tahap ini pelajar diberi tugas untuk menyediakan skema reka bentuk berasaskan kajian dan pemerhatian berkaitan masalah dan isu yang wujud didalam sesuatu proses reka bentuk. Tajuk laporan bagi projek akhir Diploma Senibina Dalaman ini adalah cadangan reka bentuk cawangan baru untuk sebuah salon kanak-kanak iaitu salon Cheeky Monkey Cuts .

Kepentingan projek yang dinyatakan di atas adalah untuk memberi pendedahan kepada orang ramai tentang salon kanak – kanak yang kurang mendapat pendedahan dan sambutan daripada orang ramai. Oleh itu, salon Cheeky Monkey Cuts yang juga merupakan satu- satunya salon di Malaysia yang dikhususkan untuk kanak - kanak turut bertanggungjawab memberi pendedahan kepada orang ramai tentang salon khusus kanak – kanak. Dengan adanya salon seumpama ini, kanak – kanak dapat di ajar menjaga keterampilan diri sedari kecil lagi.

Selain itu, melalui kajian yang telah dibuat, didapati bahawa perniagaan seumpama ini, dapat memberi keuntungan yang lumayan, disebabkan permintaan tinggi yang datang daripada ibu bapa bekerja yang mahu menghabiskan masa hujung minggu membawa anak – anak mereka memanjakan diri.